



# Pertarungan sengit hujah Mujahid, Abdul Azeez

Isu Tabung Haji jadi kupasan hangat dalam program *Berani Semuka Sinar Harian*

SHAH ALAM

Pertarungan sengit hujah di antara mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof dan bekas Pengerusi Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim terpapar jelas dalam program *Berani Semuka* yang diadakan di Kompleks Karangkrak di sini malam tadi.

Program anjuran akhbar *Sinar Harian* yang berlangsung selama satu jam 40 minit itu telah memberikan ruang dan peluang kepada kedua-dua tokoh berkenaan untuk menyampaikan hujah masing-masing.

Mujahid dan Abdul Azeez memakai kot dan bersongkok hitam turut membawa bersama dokumen yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkan iaitu isu pengurusan TH pada era pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) sehingga menjadi polemik politik.

Suasana di dalam Studio F Sinar Harian yang menempatkan kira-kira 40 orang jemputan itu turut dihangatkan oleh tepukan daripada penyokong kedua-dua belah pihak apabila Mujahid dan Abdul Azeez memberi penekanan kepada hujah mereka.

Antara yang dibangkitkan Abdul Azeez ialah beliau mendakwa ada pihak mahu mempolitikasikan isu Tabung Haji.

"Saya hendak menyatakan di sini soalan Tan Sri (Johan Jaaffar) tadi iaitu apa yang mereka (Mujahid) hendak adalah untuk mempolitikasikan isu Tabung Haji.

"Ini pada hemat saya kerana (TH) mempunyai 9.3 juta pendeposit yang akan menentukan hala tuju pilihan raya, hala tuju apa-apa jua (perkara) dalam negara ini.

"Kalau kita tengok itulah puncanya sebab kalau kita hendak kaji, teliti dan apa yang kita bincangkan ini sepatutnya tidak perlu sama sekali kerana kami (kerajaan ketika itu) mempunyai fakta," katanya.

Bagaimanapun, Mujahid mempersoalkan dakwaan tersebut kerana pemberian hibah TH tinggi yang tidak sepadan dengan keuntungan adalah bercanggah dengan Akta Tabung Haji 1995.

"Pemberian hibah yang tinggi dalam keadaan kewangan yang tidak stabil akan bagi kesan kepada kewangan TH.

"BN, walaupun tak boleh keluarkan hibah, tapi mereka tetap keluarkan hibah.



Aksi Mujahid (kiri) dan Abdul Azeez ketika berlangsungnya program *Berani Semuka Sinar Harian* di Studio F Kumpulan Karangkrak, Shah Alam malam tadi.



Seramal 84,500 pelayar laman sosial Facebook menyaksikan program *Berani Semuka* di Facebook *Sinar Harian* sewaktu siaran langsung malam tadi.

Bila dekat dengan Pilihan Raya Umum (PRU) mereka beri dua kali hibah.

"Kalau nak jaga TH dalam jangka panjang, kita kena jaga kesihatan TH, bukan nak undi, bagi hibah tinggi dan akhirnya rezab akan merosot," katanya.

Program tersebut mendapat sambutan hebat apabila 711,000 orang menyaksikan *Berani Semuka* sehingga jam 11 malam tadi yang disiarkan di laman Facebook *Sinar Harian Online*.

Antara yang hadir untuk menyaksikan

program tersebut di studio ialah Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang merupakan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Ahli Parlimen Tanjung Karang yang juga Pengerusi UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah merangkap Penerbit *Sinar Harian*, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob; Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Karangkrak, Datuk Muhammad Nasir Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif Group Sinar Karangkrak, Farah Husamuddin dan Ketua Pengarah Kumpulan Sinar Harian, Datuk Baharom Mahusin.

Pentas *Berani Semuka* itu dianjurkan selepas Mujahid pada 21 Julai lalu mencabar Abdul Azeez untuk berdebat secara terbuka mengenai kedudukan TH apabila Ahli Parlimen Baling itu galak mencelah ketika beliau berucap pada persidangan Dewan Rakyat.

Ekoran daripada itu, Abdul Azeez turut bersetuju untuk menyahut cabaran bagi menjelaskan kepada rakyat berhubung isu tersebut.

Pentas *Berani Semuka* itu menampilkan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar sebagai moderator bersama dengan Zulkifli Sulong yang mewakili Mujahid dan Abdul Rahim Hilmi Zakariya bagi mewakili Abdul Azeez.

Zulkifli merupakan bekas ketua pengarang *Harakah* dan setiausaha akhbar Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad sementara Abdul Rahim merupakan pengarang portal dalam talian, *The Patriot*, dan mempunyai berpengalaman hampir 10 tahun dalam bidang pengurusan kontrak, pentadbiran korporat dan pengurusan jabatan.

## REAKSI



Pada keseluruhannya, kedua-dua pemimpin tersebut dapat berdebat mengemukakan fakta serta

prinsip dan pandangan mereka terhadap isu-isu kontroversi Tabung Haji yang tular di negara kita suatu ketika dahulu. Penjelasan terhadap dakwaan kedua-dua pihak diungkapkan lebih profesional dan matang, menunjukkan rakyat berpuas hati dengan penjelasan dan keterangan kedua-dua pemimpin tersebut. Ternyata isu-isu kontroversi Tabung Haji dapat diungkapkan dengan jelas untuk makluman rakyat supaya isi ini dapat ditangani dengan baik." - Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Dr Syed Agil Alsagoff



Ringkasnya, mahkamah adalah jalan paling baik untuk membuktikan kebenaran. Program

bersemuka seperti ini sebaliknya hanya berkesan untuk membina atau meruntuh 'political leverage' dan persepsi umum terhadap pihak-pihak yang berkaitan."

- Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara, Dr Asri Salleh



Memang bagus program sebegini kerana memberi ruang kepada kedua-dua belah pihak untuk menyelesaikan

isu-isu yang dipertikaikan secara berkhemah yang dapat ditonton oleh semua pihak. Format yang diperkenalkan lebih kemas dan mantap. Kedua-dua bekas menteri nampak profesional dan tiada jerit-jerit berbanding di Parlimen."

- Penganalisis politik, Dr Kamarul Zaman Yusoff



Macam isu TH ini kita boleh tahu kelemahan sebelum, sekarang dan sebagainya. Apa yang diharapkan kebenaran

akan dapat diketahui. Namun bukan semua isu boleh dibincangkan secara bersemuka."

- Penganalisis politik Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani